



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK ZAINURIN BIN SAHIR,

PENGKAJI SEJARAH BEBAS NEGERI JOHOR

**MENGENAI KISAH LAGENDA PUTERI GUNUNG LEDANG DAN
GUNUNG LEDANG**

HAZIQ ASYRAF BIN MOHD ZAINUDDIN

(2021178705)

MUZHAFFAR SHAH BIN SHAHRUL ASRAN

(2021172649)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 – OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	M/S
	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan Kata	i - vii
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 - 2
2.0	Biodata Responden 2.1 Biodata Responden 2.2 Pengenalan kepada Responden	3 - 4
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	5 - 6
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	7 - 10
5.0	Transkrip Temubual bersama Tokoh	11 - 101

ABSTRAK

Transkrip ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji berkaitan topik utama kajian ini Puteri Gunung Ledang dan Gunung Ledang dan temubual telah dijalankan terhadap seorang pengkaji dan pengumpul sejarah di kawasan Tangkak. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui kisah sebenar bagi mengelakkan kekeliruan tentang Puteri Gunung Ledang dan merungkai mitos ataupun mistik Gunung Ledang sebagai sumbangan kepada koleksi sejarah lisan. Kajian ini juga membincangkan dengan lebih mendalam tentang kearifan tempatan seperti sejarah Gunung Ledang, kisah Lagenda Puteri Gunung Ledang, kisah kisah mistik yang ada di Gunung Ledang, sejarah atau kisah daripada masyarakat tempatan dan pengalaman responden terutama berkaitan topik kajian ini. Selain itu, transkrip ini juga dapat merungkai bagaimana sejarah kearifan tempatan seperti kisah Puteri Gunung Ledang menjadi kisah lagenda yang disebut sebut sehingga sekarang. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan kepada para penyelidik, pelajar serta orang awam. Dengan ini diharapkan, kajian yang dilakukan bersama responden yang merupakan pengkaji dan pengumpul barang sejarah ini dapat membantu dalam merungkai kisah sebenar tentang Puteri Gunung Ledang dan mitos ataupun mistik yang ada di Gunung Ledang.

Kata kunci: kearifan tempatan, puteri gunung ledang, gunung ledang, mistik, temubual

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum W.B.T

Syukur, Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan kekuasaan-Nya dan dengan limpah kurnia-Nya, kami mampu menyiapkan dan menyempurnakan tugasan wawancara bagi subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah kami pilih pada masa yang diberikan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, kami, Haziq Asyraf dan Muzhaffar Shah ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin iaitu pensyarah untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan seorang pensyarah yang bertanggungjawab untuk memberikan segala tunjuk ajar dan bantuan kepada semua pelajar beliau. Beliau juga telah menyediakan garis panduan kepada kami sebagai bahan rujukan kepada kami untuk melengkapkan tugasan transkrip. Kami dapat menyelesaikan tugasan ini dengan jayanya berkat bantuan dan tunjuk ajar daripada Beliau.

Seterusnya, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada responden kami iaitu Encik Zainurin bin Sahir atas segala kerjasama yang baik yang diberikan sepanjang sesi temu bual dengan beliau dijalankan. Beliau bukan sahaja membantu dari segi sumber, Beliau juga sudi berkongsi pengalaman dan menunjukkan koleksi barang Beliau di galeri yang berada di rumahnya. Dengan ini, sedikit sebanyak dapat membuka mata kami bahawa pentingnya koleksi dan barang sejarah terutama untuk generasi akan datang.

Akhir sekali, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan lain yang telah membantu dan memberikan tunjuk ajar kepada kami secara langsung tidak mengira masa agar kami mampu menyiapkan tugasan transkrip ini. Segala tunjuk ajar dan bantuan yang diberikan kepada kami amatlah kami hargai.

Sekian daripada kami, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
AJK	AHLI JAWATANKUASA
MB	MENTERI BESAR
TV	TELEVISYEN
FB	FACEBOOK
YB	YANG BERHORMAT
UM	UTUSAN MALAYSIA